

Mahathir diberi gelaran Bapa Proton Saga

SHAH ALAM 1 Sept. — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini diberi gelaran Bapa Proton Saga kerana kegigihannya untuk melihat negara ini mempunyai kereta nasionalnya sendiri.

Gelaran tersebut diberikan oleh Pengarah Urusan, Edaran Otomobil Nasional (EON), Datuk Eric Chia dalam ucapannya di upacara pelancaran pemasaran Proton Saga dengan pembukaan ibu pejabat EON dan cawangannya di seluruh negara oleh Perdana Menteri tengah hari ini, di sini.

Menurutnya, gelaran Bapa Proton Saga sangatlah tepat memandangkan kepada usaha yang dicurahkan oleh Datuk Sri Dr. Mahathir untuk melihat negara ini mengeluarkan kereta nasionalnya sendiri.

"Kalau Tunku Abdul Rahman dipanggil Bapa Kemerdekaan, Tun Abdul Razak pula Bapa Pembangunan, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad boleh digelar Bapa Proton Saga," katanya kepada lebih 2,000 orang yang hadir di dewan EON itu.

Sebaik sahaja kata-kata itu diucapkan, orang ramai bertepuk tangan tanda setuju dengan pendapat Datuk Eric.

Dalam ucapannya juga, beliau menyeru semua pihak supaya memberi kerjasama sepenuhnya kepada industri kereta agar industri berat itu maju dan semakin mantap.

Serentak dengan itu be-

LIHAT MUKA 6

Mahathir Bapa Proton Saga 1985

Beliau yang juga pengerusi jawatankuasa penganjur upacara ini meminta orang ramai memberi pendapat dan kritikan membina dan sama-sama memikirkan cara yang lebih sesuai untuk meningkatkan lagi industri berat ini khususnya menarik minat membeli Proton Saga.

Beliau memberitahu sebarang pendapat bolehlah diajukan kepada pentadbiran EON sama ada melalui telefon atau pun ruangan pembaca di akhbar - akhbar tempatan.

Pengerusi EON, Tan Sri Jamil Mohd. Jan dalam ucapannya pula menegaskan bahawa pihaknya akan sentiasa memperkemaskini teknologi buatan kereta agar kereta Saga yang dihasilkan itu sentiasa mendapat tempat di hati pembeli.